

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan menyatakan perancangan Kementerian di dalam memulihkan sektor penerbangan awam di Malaysia selepas lumpuh akibat pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, penularan wabak COVID-19 telah menjejaskan industri penerbangan negara. Statistik menunjukkan trend penurunan permintaan penumpang domestik dan antarabangsa mulai 1 Mac 2020. Jumlah permintaan penumpang berkurangan daripada 280,321 sehari pada bulan Januari 2020 kepada 59,378 sehari pada bulan September 2020.
2. Berdasarkan semakan semula unjuran senario trafik penumpang Malaysia 2020, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) menjangkakan jumlah tempat duduk perkhidmatan penerbangan penumpang akan berkurangan kepada 26.6 juta – 29.7 juta bersamaan - 72.8% hingga -75.6% pada tahun 2020 (berbanding 2019 – 109.2 juta penumpang).
3. Dalam hubungan ini, syarikat penerbangan dijangka memerlukan tempoh masa 3 tahun untuk pulih sepenuhnya dari impak wabak COVID-19, tertakluk kepada situasi semasa penularan wabak tersebut di dalam dan luar negara.
4. Sebagai persediaan kepada pembukaan sektor pengangkutan udara, Kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (Februari 2020) telah bersetuju antara lain supaya Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) mengurangkan caj pendaratan dan parkir pesawat melalui mekanisme kontra.
5. Di samping itu, berdasarkan kepada saranan International Civil Aviation Organisation (ICAO), World Health Organisation (WHO) dan International Air Transport Association (IATA), semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula pada 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020, lebih banyak kelonggaran telah diberikan oleh pihak Kerajaan termasuk kebenaran untuk melakukan perjalanan rentas negeri dan pengecualian penjarakan fizikal dalam pesawat bagi semua perkhidmatan penerbangan berjadual dan tidak berjadual.

NO. SOALAN : 22

Kelonggaran ini telah meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan penerbangan udara bagi sektor domestik.

6. Selain itu, MOT, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan syarikat penerbangan terus bekerjasama bagi meningkatkan kesedaran dan keyakinan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan penerbangan bagi menggerakkan dan memulihkan sektor pelancongan domestik.

7. Bagi maksud menggerakkan sektor pelancongan antarabangsa, Kementerian Pengangkutan mengalu-alukan usaha Kerajaan dalam melaksanakan konsep *travel bubble* ke beberapa negara seperti Singapura, Brunei, Thailand, Vietnam, New Zealand, Australia, Korea Selatan dan Jepun. Melalui konsep tersebut, penerbangan dan penumpang dari mana-mana negara yang berada dalam kategori hijau akan dibenarkan memasuki Malaysia tertakluk kepada SOP tertentu seperti ujian saringan kesihatan yang ketat sebelum berlepas dan tiba di Malaysia perlu dipatuhi.

8. Dalam hubungan ini, cadangan *travel bubble* tersebut adalah tertakluk kepada rundingan yang sedang diadakan di antara Kementerian Kesihatan (MOH) dan Kementerian Luar Negeri dengan negara-negara terbabit.

Sekian, terima kasih.